

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini berapakah jumlah kes individu yang memakai gelang kuarantin melarikan diri daripada pusat kuarantin.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Oktober 2020, seramai 177,568 orang awam yang telah pulang dari luar negara telah diarah menjalani kuarantin wajib.
2. Seramai 5 orang didapati melanggar perintah kuarantin wajib ini dan didakwa di mahkamah. Kelima-limanya telah disabitkan kesalahan dengan 3 darinya didenda mahkamah dengan jumlah RM13,000 dan 2 lagi didenda dengan jumlah RM20,000 dan penjara.
3. Sehingga 31 Oktober 2020 juga, sejumlah 69 orang telah lari dari Pusat Kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Daripada jumlah tersebut, seramai 54 orang adalah warganegara Malaysia, 8 orang adalah Warganegara Indonesia, 3 orang Warganegara Bangladesh, 3 orang warganegara Filipina dan satu 1 Warganegara Myanmar.
4. Kerajaan amat mengambil berat mengenai kesalahan melarikan diri ini dan sekiranya ditangkap, kesemua mereka akan didakwa atas kesalahan yang dilakukan ini. Susulan daripada kejadian ini, kawalan di pusat kuarantin juga telah diperketatkan bagi mengelakkan ia daripada berulang.

Sekian, terima kasih.